AUTHOR: No author available SECTION: SUKAN AUDIENCE : 85,000 PAGE: 38 PRINTED SIZE: 298.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 7,786 WORDS: 270
ITEM ID: DP0122534240



16 NOV, 2026

Misi TNB Thunderstar masih belum berakhir

Kosmo, Malaysia

Misi TNB Thunderstar masih belum berakhir

PASUKAN TNB Thunderstar menepati sasaran merampas semula kejuaraan Liga Hoki Malaysia (MHL) 2026 meskipun menutup kempen liga dengan kekalahan 1-2 kepada Pasukan Hoki Terengganu (THT) di Stadium Hoki TNB, UNITEN, kelmarin.

Jurulatih TNB Thunderstar, Mohd. Madzli Ikmar Mohd. Nor berkata, kejayaan itu cukup manis buat pasukan terutama apabila terlepas gelaran berkenaan musim lalu selepas sekadar muncul naib juara.

Menurutnya, pemain sudah lebih awal mengesahkan kejuaraan selepas membelasah Young Elephants Pahang 16-0, dua hari lalu.

"Alhamdulillah kita capai sasaran untuk menjadi juara liga dan sekarang ada satu lagi trofi menanti selepas ini iaitu Piala TNB.

"Saya harapkan para pemain teruskan momentum dan paling penting bebas daripada kecederaan sebab selepas ini mereka akan bermain di Piala Sultan Azlan Shah," katanya.

Kekalahan kepada THT itu menyaksikan rekod tanpa kalah TNB Thunderstar dalam 11 perlawanan berturut-turut berakhir, namun tidak menjejaskan kedudukan mereka selaku juara liga musim ini.

Dalam aksi berkenaan, TNB Thunderstar terlebih dahulu membuka jaringan menerusi Nik Muhammad Aiman Nik Rozemi pada minit keempat, sebelum Muhammad Firhan Ashari menyamakan kedudukan buat THT seminit kemudian.

Luqman Nul Hakim Ahmad Shukran memastikan kemenangan THT menerusi jaringan pada minit ke-44, sekali gus mengesahkan kedudukan pasukan itu sebagai naib juara.

Sementara itu, ketua jurulatih THT, Mohd. Harfizi Baharom memuji mentaliti pemainnya yang tetap memburu kemenangan meskipun menyedari peluang bergelar juara sudah tertutup.

"Kita tahu sudah tak boleh jadi juara liga, tetapi kita tetap dengan mentaliti terbaik untuk cuba dapatkan No.2 liga dan ia tercapai.Kemenangan ini penting untuk kami terus kekal di kedudukan kedua," katanya.



TNB Thunderstar berjaya menebus kegagalan musim lalu apabila mengesahkan kejuaraan MHL musim ini. – FB MHC

© Nine Entertainment Co. Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.